




TALIAN SAWIT KE ARAH PENINGKATAN KEBERKESANAN PEMINDAHAN MAKLUMAT SAWIT

Pada 26 Oktober 1993 yang lalu, satu lagi sejarah PORIM telah tercatat di mana telefon 'hotline' atau TALIAN SAWIT telah dilancarkan dengan rasminya. Pelancaran telah dilakukan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Mahmud Mansor, Timbalan Menteri Perusahaan Utama Malaysia. Pengwujudan perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk memantapkan lagi pemindahan maklumat dan teknologi kelapa sawit khususnya kepada pekebun-pekebun kecil.



Y.B.M. Timbalan Menteri sedang menjawab panggilan pertama Talian Sawit

ISI KANDUNGAN

- Talian Sawit ke arah Peningkatan Keberkesanan Pemindahan Maklumat Sawit **1**
- Dari Meja Editor **2**
- Kegiatan Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi **3**
- Tahukah Anda? **3**
- Kenalilah... Tanda-tanda Kukurangan Unsur Pemakanan **4**
- Sudut Teknologi - Panduan Pembajaan Kelapa Sawit Untuk Pekebun Kecil **5**
- Berita Bergambar **6-7**
- Syor Umum Pembajaan Kelapa Sawit **8**
- Perkhidmatan Hotline - Talian Sawit **10**
- Peladang Jaya **11**
- Reaksi Pembaca dan Maklumbalas **12**

Dalam ucapan perastniannya, YBM Timbalan Menteri yakin yang Talian Sawit akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan aktiviti aktiviti pemindahan maklumat, penyelesaian masalah dan bantuan serta khidmat nasihat untuk mengatasi apa jua kesulitan dan kemusykilan yang timbul.

Dato' Tunku Mahmud Mansor juga menyeru kepada semua pihak termasuk pekebun kecil supaya melipatgandakan usaha serta mempertingkatkan daya saing untuk memastikan industri kelapa sawit negara ini sentiasa berada di hadapan. Kos pengeluaran perlulah diperingkat yang minima dan pengeluaran hasil pula dipertingkatkan ke paras yang lebih baik.

Ini dapat dicapai sekiranya pekebun-pekebun kecil memanfaatkan segala teknologi baru yang dihasilkan melalui program penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk penggunaan bahan tanaman yang bermutu tinggi, mengamalkan pengurusan ladang yang cekap dan melaksanakan program pembajaan yang berkesan.

Teknologi baru hasil dari program R&D boleh diperolehi dari aktiviti pemindahan teknologi PORIM dan agensi lain yang terlibat dengan pembangunan kelapa sawit. Satu cara mudah adalah melalui perkhidmatan Talian Sawit. Di samping cepat dan ekonomik, cara ini juga memberi perkhidmatan secara terus untuk mengatasi masalah berkaitan kelapa sawit dan maklumat terkini yang diperlukan.

Bersambung di muka surat 2

Sidang Pengarang

PENASIHAT

Dr. Yusof Bin Basiron
Ketua Pengarah PORIM

PENGERUSI

Prof. Dr. Jalani Bin Sukaimi

KETUA EDITOR

Tn. Hj. Mohd Tayeb Bin Dolmat

EDITOR

En. Suboh Bin Ismail
En. Mohd Nasir Bin Hassan Basri
Dr. Ariffin Bin Darus
Dr. N Rajanaidu

SETIAUSAHA

En. Roslan Bin Arshad



DARI MEJA EDITOR

PENGAMALAN TEKNOLOGI TERKINI UNTUK KESEJAHTERAAN BERTERUSAN

Dengan cubaran-cubaran yang dihadapi dalam perkembangan ekonomi dan dasar kerajaan yang menekankan perindustrian, sektor pertanian termasuk kelapa sawit amnya dan pekebun kecil khususnya perlu membuat penyesuaian yang wajar. Segala kesempatan dan tindakan mesti diambil supaya industri sawit terus kukuh dan kompetitif. Cara yang paling berkesan sekali adalah dengan meningkatkan lagi produktiviti kelapa sawit di sesuatu kawasan dengan kos yang lebih efisien. Cara yang paling baik untuk mencapai matlamat ini adalah dengan mengamalkan teknologi teknologi terkini dengan sepenuhnya dan terus berusaha.

Selagi masalah teknologi pengeluaran tidak diatasi, pekebun kecil khususnya akan terus terperangkap dalam sistem pengeluaran yang tidak cekap dan akan terus terdedah kepada gejala ketidakstabilan pasaran komoditi. Pada tahap teknologi pengeluaran sekarang, memang sukar untuk sektor pekebun kecil bertahan dan menjadi kompetitif. Alhamdulillah, dalam senario industri sawit yang menghadapi pelbagai cabaran ini, PORIM telah dapat memainkan peranannya dengan aktif untuk membantu menangani masalah yang dihadapi.

Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi (UPPK & PT) PORIM yang baru menjangkau setahun jagung semenjak lanya ditubuhkan telah dapat menggerak dan melaksanakan kebanyakan aktiviti-aktiviti pemindahan teknologi sawit yang dirancang dengan herkesannya. Sambutan yang diberi oleh penanam-penanam khususnya sektor pekebun kecil sangatlah memuaskan. Kerjasama agensi agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas sektor pekebun kecil ini juga sememangnya baik.

Sudah nampak tanda-tanda positif peningkatan kesedaran di kalangan yang terbabit betapa pentingnya untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran teknologi sawit terkini jika ingin menikmati kemajuan. Sambutan yang baik terhadap TALIAN SAWIT yang diwujudkan oleh PORIM baru-baru ini, sebagai contoh, adalah satu petanda yang positif. Kini jelas juga dilihat penanam ghairah mendapatkan penerangan untuk memperolehi bahan tanaman sawit yang berkualiti untuk kebun mereka. Tidak putus putus pekebun kecil dan pegawai agensi-agensi yang bertanggungjawab berkomunikasi dengan PORIM khususnya UPPK & PT untuk mendapatkan maklumat dan teknologi sawit yang terkini.

Syahas diucapkan. Sememangnya tiada pilihan lain untuk kita dalam industri sawit sekarang kecuali menggunakan teknologi pengeluaran yang terkini dengan sepenuhnya untuk menikmati kesejahteraan yang berterusan.

Sambungan dari muka surat 1

Sehingga kini, Taliari Sawit telah mendapat sambutan yang baik di mana kebanyakan panggilan yang diterima memohon penyelesaian beberapa masalah berkaitan bahan tanaman, musuh dan penyakit serta program pembajaan disamping beberapa maklumat dan teknologi yang lain. Berdasarkan sambutan awal yang menggalakkan, adalah dipercayai perkhidmatan ini akan menerima sambutan yang berterusan di samping layanan panggilan yang lebih berkesan dan seterusnya membawa ke arah peningkatan produktiviti pekebun kecil.

MAKLUMAN

Berita Sawit adalah penerbitan untuk edaran Pekebun-Pekebun Kecil tanaman kelapa sawit.

Rencana dalam Berita Sawit ini hanya boleh dipetik dan disiarkan secara sebahagian atau keseluruhan dengan izin Ketua Pengarah PORIM.

Sebarang pendapat dan idea daripada para pembaca adalah dialu-alukan. Segala pertanyaan, masalah dan kemusykilan bolehlah dialamatkan kepada:

Berita Sawit
Ibu Pejabat PORIM
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur

KEGIATAN UPPK & PT

Sepanjang penggal kedua 93 (Julai - Disember) UPPK & PT terus melaksanakan aktiviti pemindahan teknologi bertujuan meningkatkan produktiviti pekebun kecil. Ini termasuklah mengadakan kursus kelapa sawit sehari untuk ejen pengembangan, lawatan khidmat nasihat, seminar dan pameran, ceramah serta dialog.

1. Kursus Kelapa Sawit Sehari untuk ejen pengembangan.

Dua kursus telah dianjurkan untuk pegawai Jabatan Pertanian, iaitu di Selangor dan Perak. Program kursus merangkumi syarahan dan perbincangan serta diikuti dengan lawatan ke ladang/tapak semaian bagi memperjelaskan pemahaman peserta pada syarahan yang telah diberikan.

Seramai 46 peserta telah mengikuti kursus modul bahan tanaman.

2. Lawatan Khidmat Nasihat dan Perundingan

Dalam penggal ini UPPK & PT telah mengadakan 18 lawatan khidmat nasihat dan 5 perkhidmatan perundingan ke ladang sawit kepunyaan agensi seperti LPP, RISDA, Koperasi dan pekebun kecil (melalui agensi pengembangan).

Lawatan bertujuan untuk mengenalpasti masalah dan membuat laporan pengesyoran.

3. Seminar Pekebun Kecil Kelapa Sawit

Satu seminar telah diadakan sempena pelancaran Talian Sawit pada 26 Oktober 1993. Seramai 83 ketua/wakil

pekebun kecil di bawah bimbingan berbagai-bagai agensi seperti Jabatan Pertanian, RISDA, LPP, FELCRA dan FELDA dari seluruh Semenanjung telah hadir.

Empat kertas kerja telah dibentangkan dan beberapa isu dibincangkan yang boleh membantu meningkatkan industri kelapa sawit di sektor pekebun kecil. Beberapa saranan dari pekebun kecil juga telah diambil perhatian untuk tindakan selanjutnya.

4. Pameran

Sebanyak 7 pameran telah disertai UPPK & PT di sepanjang penggal ini di seluruh Malaysia. Ia termasuklah sempena pelancaran Talian Sawit, Hari Peladang dan Nelayan Kebangsaan, Hari Peladang dan Nelayan Negeri Johor, Kedah dan Sarawak, Ekspo Pertanian UKM, dan Persidangan Antarabangsa Kelapa Sawit PORIM. Poster yang menunjukkan kemajuan hasil penyelidikan terkini dan pengurusan kelapa sawit telah dipamerkan.

5. Ceramah dan Dialog

Lima sesi ceramah dan dialog telah dianjurkan dengan kehadiran 205 orang peserta dari agensi seperti FELDA, Jabatan Pertanian, LPP dan penuntut universiti. Antara topik utama yang dibincangkan ialah :

- Bahan tanaman
- Maklumat terkini mengenai amalan agronomi
- Pembajaan
- Sungkupan menggunakan tandan kosong

6. Aktiviti akan datang.

UPPK & PT akan terus melaksanakan program pemindahan teknologi yang telah dirancang. Semua pekebun kecil yang ingin menyertai aktiviti berkenaan diminta menghubungi Jabatan Pertanian yang berhampiran atau talian sawit No. 03-8251122.

TAHUKAH ANDA ?

1. Berapakah berat purata sebiji buah kelapa sawit ?
2. Berapakah nilai harga sebiji buah sawit?
3. Berapakah umur pokok kelapa sawit mula dituai jika diurus dengan sempurna ?
4. Berapakah potensi purata hasil dalam penuaian tahun pertama ? (tanah pendalaman dan tanah pantai)
5. Berapa lamakah umur ekonomik bagi tanaman kelapa sawit ?

Jawapan dimuka surat 9

KENALILAH Tanda-tanda Kekurangan Unsur Pemakanan

KEKURANGAN NITROGEN

Tanda yang nyata kekurangan unsur Nitrogen (N) ialah daun bersaiz kecil, warna hijau muda kekuningan dan pudar. Apabila kekurangan semakin teruk, keseluruhan daun menjadi kekuningan dan tumbesaran pokok terbantut.



KEKURANGAN KALIUM

Ia boleh dikenal pasti sebagai bintik-bintik berwarna oren pada daun tua kelapa sawit. Pada mulanya terdapat bintik-bintik kecil berwarna hijau pucat pada daun dan apabila kekurangan unsur ini bertambah teruk, warna bintik-bintik bertukar dari oren kepada coklat. Lama-kelamaan daun menjadi kering bermula di bahagian hujung dan merebak pada keseluruhan daun.



KEKURANGAN MAGNESIUM

Bermula dari warna kekuningan pada hujung daun dan akan menjalar ke pangkal daun. Di peringkat serius warna kuning akan berubah menjadi oren. Tanda tambahan ialah di mana terdapat daun yang terlindung dari sinaran matahari masih tetap hijau dan segar tetapi daun yang terdedah kepada cahaya matahari bertukar kepada warna oren. Tanda-tanda tersebut biasanya terdapat di pelepah tua.



KEKURANGAN BORON

Empat tanda biasanya dikaitkan dengan kekurangan unsur Boron.

1. bahagian hujung daun bercangkuk (*hooked-leaf*)



2. daun berkedut dan saiz daun/pelepah nampak kecil daripada biasa (*crinkled-leaf*)



3. daun di hujung pelepah nyata berpecah dua dan berhentuk V (*blind-leaf*)



4. lai daun berjalur kuning muda



PANDUAN PEMBAJAAN KELAPA SAWIT UNTUK PEKEBUN KECIL

Hasil kelapa sawit sangat bergantung kepada kesesuaian tanah, persekitaran dan amalan pengurusan ladang. Salah satu amalan pengurusan ladang yang penting ialah pembajaan.

Keperluan baja untuk setiap kebun adalah berbeza. Ianya bergantung kepada keadaan tanah (jenis, kesuburan asal, tofografi, tekstur), persekitaran (iklim, hujan) dan pengurusan ladang (baka, kepadatan tanaman, penutup bumi, pembajaan yang lepas, potensi hasil dan pemangkasan). Oleh itu untuk mengetahui keperluan baja yang tepat perlulah mendapat khidmat pakar yang akan menggunakan maklumat ini, di samping data analisa daun dan tanah.

PORIM telah banyak menjalankan penyelidikan berhubung dengan pembajaan kelapa sawit. Dari data-data yang telah dikumpulkan, satu panduan pembajaan kelapa sawit disediakan untuk pekebun kecil yang tidak mendapat kemudahan perkhidmatan pakar. Panduan pembajaan ini menekankan aspek-aspek penting seperti kadar dan jenis baja yang perlu digunakan, penempatan baja, masa dan kekerapan membaja.

Kadar Pembajaan Kelapa Sawit Muda (mula tanam hingga umur lima tahun)

Anggaran kadar pembajaan kelapa sawit (kg/pk/th) dari mula tanam hingga berumur lima tahun bagi tanah liat pantai dan tanah pedalaman adalah seperti *Jadual 1*.

Kadar Pembajaan Kelapa Sawit Matang (umur lima tahun ke atas)

Bagi tanah liat pantai, anggaran keperluan baja Urea ialah antara 1 hingga 2 kilogram dan baja MOP antara 2 hingga 3 kilogram sepokok setahun. Anggaran keperluan baja CIRP ialah 2 kilogram sepokok setahun.

Umumnya tanah liat pantai mempunyai bekalan magnesium yang mencukupi tetapi jika terdapat tanda kekurangan magnesium sebanyak 0.5 hingga 1 kilogram Kieserite sepokok setahun elok dibekalkan.

Bagi tanah pedalaman pula anggaran keperluan baja AS ialah antara 3 hingga 5 kilogram, baja MOP antara 3 hingga 4 kilogram, baja CIRP antara 2 hingga 3 kilogram dan baja Kieserite 1 kilogram sepokok setahun.

Anggaran baja AS dan MOP yang tinggi adalah bagi kawasan tanah bertekstur pasir dan mempunyai jumlah hujan tahunan yang tinggi iaitu melebihi 2400 mm setahun. Bagi tanah bertekstur liat tinggi anggaran yang rendah adalah lebih sesuai. Kadar baja CIRP yang tinggi pula adalah bagi kebun yang ditanam baru dan kadar yang rendah adalah untuk kebun yang ditanam semula.



Baja di tabur di keliling pokok untuk pokok berumur kurang dari 2 tahun



Baja di tabur di keliling pokok hingga hujung kanopi untuk pokok berumur 3 hingga 6 tahun

Pemilihan jenis baja

Bagi pengesyoran di atas, baja yang disyorkan adalah baja lurus. Baja lurus mengandungi satu unsur sahaja dan ini memudahkan pembekalan unsur yang diperlukan dengan tepat.

Bersambung di mukasurat B

Jadual 1

**Syor Umum Pembajaan Kelapa Sawit
Menggunakan Baja Lurus
Di Tanah Liat Pantai Dan Pedalaman**

Umur Pokok (tahun)	Kadar Pembajaan (kg/pokok)					
	Tanah Liat Pantai			Tanah Pedalaman		
	Baja	Tanah Subur	Tanah Kurang Subur	Baja	Tanah Subur	Tanah Kurang Subur
Semasa Monanam 0 - 1	CIRP	0.20	0.25	CIRP	0.20	0.25
	Urea	0.20	0.35	AS	0.50	1.00
	CIRP	0.50	0.50	CIRP	0.75	0.75
	MOP	0.30	0.70	MOP	0.50	1.00
1 - 2				Kie	0.25	0.50
	Urea	0.70	1.00	AS	1.30	2.10
	CIRP	1.00	1.00	CIRP	1.50	1.50
	MOP	0.70	1.00	MOP	1.20	2.50
2 - 3				Kie	0.50	1.00
	Urea	1.00	1.30	AS	2.00	3.00
	CIRP	1.25	1.25	CIRP	1.75	1.75
	MOP	0.90	2.10	MOP	1.50	3.00
3 - 4				Kie	0.75	1.25
	Urea	1.30	1.50	AS	2.50	3.50
	CIRP	1.50	1.50	CIRP	2.00	2.00
	MOP	1.00	2.40	MOP	2.50	4.00
4 - 5 dan keatas				Kie	0.75	1.25
	Urea	1.50	2.00	AS	2.50	4.00
	CIRP	2.00	2.00	CIRP	2.00	2.50
	MOP	1.50	2.50	MOP	3.00	4.00
			Kie	1.00	1.50	

Nota :

1. Kadar untuk tanah sederhana subur ialah kadar antara tanah subur dan kurang subur.

2. Definisi kesuburan tanah

a) Tanah Liat Pantai

i. Tanah Subur

Tanah yang mempunyai tahap kesuburan dan saliran yang baik, gembur dan lapisan sulfurik* melebihi 100 sm bawah paras permukaan tanah.

ii. Tanah Kurang Subur

Tanah yang mempunyai tahap kesuburan dan saliran yang kurang baik dan lapisan sulfurik 0 - 50 sm bawah paras permukaan tanah.

* Lapisan sulfurik ialah lapisan tanah yang mempunyai kemasaman pH kurang dari 3.5 dan tompok-tompok kuning (jarosit).

b) Tanah Pedalaman

i. Tanah Subur

Tanah subur ialah tanah yang mempunyai tahap kesuburan dan keupayaan menyimpan air yang tinggi, peroi, lapisan tanah yang dalam dan saliran yang baik.

ii. Tanah Kurang Subur

Tanah kurang subur ialah tanah yang mempunyai tahap kesuburan dan keupayaan menyimpan air yang rendah, mampat, lapisan tanah yang cetek dan saliran air yang terhad.

Adakalanya penggunaan 3 hingga 4 jenis baja lurus menambalikan kos buruh. Dalam hal ini, pekebun boleh menggunakan baja campuran atau baja sebatian yang terdapat di pasaran. Walau bagaimanapun pekebun perlu membuat perkiraan untuk mensetarakan (menyamakan) unsur-unsur yang diperlukan atau merujuk kepada pegawai pengembangan pertanian tempatan.

Baja Urea lebih baik digunakan di tanah liat pantai kerana ianya boleh membantu mengekalkan paras keasidan tanah pada tahap yang sedia ada. Jika menggunakan baja AS ianya boleh menyebabkan tanah menjadi semakin berasid. Baja Urea yang disadurkan atau butiran yang lebih besar boleh juga digunakan.

Penggunaan baja abu tandan juga digalakkan di tanah liat pantai bagi menggantikan baja MOP kerana ianya boleh memperbaiki keasidan tanah. Kadar pertukaran MOP kepada abu tandan ialah 1 kilogram MOP bersamaan dengan 2 kilogram abu tandan.



Baja di tabur di semua kawasan kebun untuk pokok matang

Penempatan baja

Prinsip asas di mana baja patut diletak ialah di mana pertumbuhan akar penyerap banyak didapati. Ini untuk membolehkan pokok menyerap makanan dengan lebih cekap. Kawasan yang hendak ditabur baja mestilah dibersihkan terlebih dahulu dari rumpai.

Untuk pokok sawit yang berumur kurang dari dua tahun baja ditabur di keliling pokok. Bagi pokok sawit yang berumur 3 hingga 6 tahun baja ditabur di keliling pokok hingga hujung kanopi daun.

Akar pokok sawit matang (umur melebihi 6 tahun) telah merebak ke semua kawasan kebun. Oleh itu bagi kawasan tanah rata baja boleh ditabur di semua kawasan kebun terutama di kawasan perletakan pelepah di mana pertumbuhan akar penyerap di dapati paling banyak. Bagi kawasan bukit, baja di syorkan supaya di tabur di keliling pokok di kawasan berteres untuk mengelakkan kehilangan baja oleh air hujan.

Masa dan kekerapan membaja

Masa untuk membaja bergantung kepada faktor iklim terutamanya jumlah dan taburan hujan. Pembajaan hendaklah dielakkan pada musim hujan lebat kerana baja akan dihanyutkan oleh air atau hilang melalui proses larutresap. Begitu juga pembajaan hendaklah dielakkan pada musim panas kerana sebahagian baja akan meruap dan susah untuk meresap ke dalam tanah. Oleh itu secara amnya, pembajaan hendaklah dilakukan di musim hujan yang sederhana.

Kekerapan pembajaan ialah pengulangan pembajaan yang dilakukan dalam masa setahun. Kekerapan pembajaan ini ditentukan oleh faktor tekstur tanah, jenis baja dan umur pokok.

Proses larutresap baja adalah tinggi di tanah pasir jika dibandingkan dengan tanah liat. Oleh itu kekerapan yang lebih di perlukan bagi tanah yang mengandungi pasir yang tinggi.

Pembajaan baja Fosfat (CIRP) dan magnesium (Kieserite) dilakukan sekali setahun dan baja unsur nitrogen (Urea atau AS) dan kalium (MOP) dilakukan dua kali setahun. Ini kerana baja nitrogen dan kalium mudah larutresap terutama sekali baja kalium.

Untuk pokok muda berumur kurang daripada 3 tahun, di mana pertumbuhan akar masih terhad, pembajaan 2 hingga 4 kali setahun adalah disyorkan. Bagi pokok matang, pembajaan sekali setahun adalah memadai dengan syarat tidak dilakukan pada musim hujan lebat.

Kesimpulan

Pengesyoran pembajaan untuk kelapa sawit yang tepat adalah menggunakan kaedah pembajaan diskriminasi iaitu dengan meneliti data-data analisa tanah, daun, tindak balas kelapa sawit terhadap pembajaan dan maklumat amalan ladang.

Anggaran pengesyoran pembajaan di atas adalah sebagai panduan umum. Panduan ini akan lebih bermanfaat lagi sekiranya pekebun mengetahui taburan hujan dan jenis tanah mereka. Maklumat ini boleh didapati dari pejabat-pejabat Pertanian yang berhampiran.

*Sumbangan . Hj Idris Hj Omar &
Suboh Ismail*

Jawapan Tahukah Anda

1. 10 gram
2. 0.372 sen
3. 30 bulan
4. a. 9 tan/hek/tahun (tanah pendalaman)
b. 14 tan/hek/tahun (tanah liat pantai)
5. 20-25 tahun



PERKHIDMATAN HOTLINE TALIAN SAWIT **03-8251122**

Sejak dilancarkan pada 26 Oktober 1993 sehingga kini, Talian Sawit telah menerima 28 panggilan yang mengemukakan 58 pertanyaan/kemusykilan. Masalah utama yang dikemukakan adalah berkaitan dengan perkara berikut:-

- a. Program pembajaan iaitu jenis dan kadar baja yang perlu digunakan mengikut umur pokok dan tempat/jenis tanah.
- b. Anak benih bermutu dan pembekal.
- c. Perosak dan penyakit kelapa sawit.
- d. Pemangkasan dan penuaian.

Semua pertanyaan ini telah dijawab dengan sepenuhnya semasa panggilan dibuat oleh pegawai petugas. Untuk memudahkan lagi penanam-penanam kelapa sawit terutama pekebun-pekebun kecil mendapatkan khidmat ini, PORIM telah mengadakan rangkaian Talian Sawit di seluruh negara. Nama, pegawai petugas dan jabatan/agensi rangkaian ini adalah seperti berikut:

1. Zani Husin
(Pen. Peg. Pertanian)
Pejabat Pertanian Endau
86000 Endau Mersing
Johor
(Tel : 07-703593)

2. Mintar Palal
(Pen. Peg. Pertanian)
Pejabat Pertanian Daerah
Kota Tinggi
81900 Kota Tinggi
Johor
(Tel : 07-831508)

3. Kamalludin Bilal
(Pen. Peg. Pertanian)
Pusat Perkhidmatan
Pertanian Bersepadu
82100 Air Baloi
Johor
(Tel : 07-801298)

4. Mohd Naser Abd Ghani
(Pen. Peg. Pertanian)
Pejabat Pertanian Daerah
83000 Batu Pahat
Johor
(Tel : 07-441551)

5. Othman Omar
(Pen. Peg. Pertanian)
Pejabat Pertanian Daerah Muar
84000 Muar
Johor
(Tel : 06-922845)

6. Zakaria Taib
(Pen. Peg. Pertanian)
Pejabat Pertanian Labis
85300 Labis
Johor
(Tel : 07-951770)

7. Othman Aman
(Pen. Peg. Pertanian)
Pejabat Pertanian Daerah
Melaka Tengah
Jalan Bandar Kaba
75000 Melaka
(Tel : 06-243400)

8. Mohd Natri Hj. Muhammad
(Pen. Peg. Pertanian)
Pejabat Pertanian Sg. Siput
31100 Sg. Siput (U)
Kuala Kangsar
Perak
(Tel : 05-5985564)

9. Hassan Abd Rahman
(Pen. Peg. Pertanian)
Pejabat Pertanian Daerah
Kuala Muda
08000 Sg. Petani
Kedah
(Tel : 04-411027)

10. Md. Sidek Daud
(Pen. Peg. Pertanian)
Pejabat Pertanian Jajahan
Kuala Krai
18000 Jalan Pahi
Kelantan
(Tel : 09-966192)

11. Anuar Samad
(Pen. Peg. Pertanian)

Pejabat Pertanian Daerah Setiu
22100 Permaisuri
Setiu, Terengganu
(Tel : 09-809363)

12. Rafdi Muhammad
(Pegawai Pertanian)
Pejabat Pertanian Daerah
Kuantan
Km. 9, Jalan Gambang
Paya Besar
25150 Kuantan
Pahang
(Tel : 09-586566)

13. Esnan Abdul Ghani
(Peg. Penyelidik & Ketua Stesen)
Stesen Penyelidikan PORIM Kluang
Beg Berkunci 532
Km.11 Jalan Bandar Tenggara
Johor
(Tel : 07-721133/34/35)

14. Zulnizam Kasmungi
(Pen. Peg. Penyelidik & Pengurus Stesen)
Stesen Penyelidikan PORIM Ulu Paka
23300 Ketengah Jaya
Terengganu
(Tel : 09-870142)

15. Mohd Fauzi Mohd Nor
(Pen. Peg. Penyelidik & Pengurus Stesen)
Stesen Penyelidikan PORIM
Lahad Datu
Beg Berkunci No. 4
91009 Lahad datu
Sabah
(Tel : 089-82400)

16. Zamani Ali
(Pen. Peg. Penyelidik & Pengurus Stesen)
Kompleks IADP
Kalaka-Saribas
Peti Surat 69
95407 Saratok
Sarawak
(Tel : 083-436252)

17. Razuan Rahman
(Pen. Peg. Penyelidik & Pengurus Stesen)
Stesen Penyelidikan PORIM Teluk
Intan
Lot 302, Taman Sabak Jaya
45200 Sabak Bernam
(Tel : 05-671624)

KEGIGIHAN DAN SEMANGAT PUNCA KEJAYAAN WAK RAHMAT

Hj. Rahmat bin Isa atau lebih dikenali sebagai Wak Rahmat merupakan salah seorang pekebun kecil kelapa sawit yang berjaya di Parit Selangor, Pontian, Johor. Kegigihan dan kecekalan beliau dalam mengusahakan kebunnya patut dijadikan teladan oleh pekebun-pekebun lain.

Mengimbas kembali detik-detik awal penglibatan beliau menceroka kawasan iaitu pada tahun 1955, berbekalkan kudrat tulang empat kerat tanpa mengenal penat lelah, beliau menebas dan menebang kawasan hutan untuk dijadikan tapak pertanian. Pada mulanya beliau menanam tanaman getah, tetapi disebabkan pendapatan yang tidak menentu dan banyak bergantung pada faktor cuaca dan tanah yang kurang sesuai, beliau mula mencari pilihan lain.



Kerja penuaian dibuat mengikut kaedah yang disyorkan menjadi amalan Hj. Rahmat

*Segala kerja-kerja
pengurusan ladang
dilakukan sendiri oleh
beliau dengan
berpandukan nasihat
daripada PORIM.
Kebun beliau kerap
dikunjungi oleh
pegawai PORIM
untuk menentukan
segala kerja
dijalankan dengan
betul*

Kebetulan pada tahun 1982, pihak RISDA telah mengadakan kempen untuk menggalakkan penanaman kelapa sawit menggantikan getah memandangkan tanah gambut yang terdapat di kawasan ini adalah lebih sesuai untuk tanaman sawit. Projek ini telah dijalankan melalui penubuhan mini-estet. Dari kempen dan galakan RISDA, beliau mula berminat untuk mencuba tanaman kelapa sawit.

Dengan bantuan RISDA pada tahun 1982, beliau telah menanam kelapa sawit seluas 4 hektar (10 ekar). PORIM telah mewujudkan plot kajian di kampung berkenaan di samping sentiasa memberi khidmat nasihat teknikal kepada peserta-peserta projek kelapa sawit di kawasan tersebut.

Beliau mengambil kesempatan ini dengan melaksanakan segala amalan yang disyorkan dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan hasil yang tinggi.

Segala kerja-kerja pengurusan ladang dilakukan sendiri oleh beliau dengan berpandukan nasihat daripada PORIM. Kebun beliau kerap dikunjungi oleh pegawai PORIM untuk menentukan segala kerja dijalankan dengan betul.

Kini setelah usianya meningkat hampir 60 tahun dan tenaganya semakin berkurangan, kebanyakan kerja pengurusan ladang terpaksa diupahkan kepada orang lain. Namun demikian beliau sentiasa memberi pengawasan




Rumah yang selesa hasil penat lelah dalam mengusahakan kelapa sawit

yang cukup rapi terhadap kerja-kerja yang dijalankan untuk menjamin segala amalan dijalankan dengan sempurna.

Setelah mengusahakan tanaman ini selama 11 tahun, pengeluaran hasil sawitnya mencecah 32 tan/hek/tahun. Kalau dahulu beliau hanya mendapat lebih kurang RM150.00 sebulan dari hasil getahnya tetapi dengan kelapa sawit, pendapatan beliau telah meningkat kepada RM700.00-RM1000.00 sebulan. Dari hasil inilah Wak Rahmat menyara keluarganya yang terdiri daripada seorang isteri dan 9 orang anak. Di samping itu beliau dapat mengubahsuai dan membesar rumah bagi keselesaan keluarganya.

Berkat kesabaran dan kegigihan beliau mengusahakan tanaman sawit, Wak Rahmat telah dipilih oleh PORIM untuk menjalankan projek pemerhatian kesesuaian tanaman rotan manau dalam barisan kelapa sawit. Projek ini telah dimulakan pada tahun 1990 dan rotan dijangka dapat dituai bila berumur 7 tahun. Pada keseluruhannya pertumbuhan rotan adalah memuaskan. Adalah tidak diragui dengan keadaan ini dan kesungguhan Wak Rahmat menjaganya, tanaman ini akan mendatangkan hasil yang lumayan nanti.

Wak Rahmat menceritakan, semua kejayaan ini dicapai melalui kegigihan, sikap bertanggungjawab, tidak mengenal putus asa serta sanggup menerima dan mengamalkan



teknologi baru. Di samping itu sentiasa berdoa memohon pertolongan dari Allah s.w.t. Tidak ketinggalan juga beliau mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas dorongan dan bimbingan pihak RISDA dan PORIM dalam membantu kerja-kerja pengurusan tanaman sawit.

Sumbangan : Roslan Arshad

REAKSI PEMBACA DAN MAKLUMBALAS

Tiada sebarang reaksi bertulis diterima lanjutan daripada pengeluaran pertama Berita Sawit. Walau bagaimanapun beberapa komen terhadap saiz huruf dan grafik diterima secara lisan dan telah diperbaiki dalam isu kedua ini. Dari segi pengedaran, banyak permintaan diterima daripada berhagai pihak untuk menambahkan bilangan naskah yang dihantar. Ini menandakan Berita Sawit mendapat sambutan ramai. Berita Sawit mengucapkan terima kasih di atas segala komen yang diberi. Seterusnya reaksi pembaca untuk keluaran ini dan yang akan datang adalah sangat dialu-alukan untuk kepentingan bersama.

Kalau dahulu beliau hanya mendapat lebih kurang RM150.00 sebulan dari hasil getahnya tetapi dengan kelapa sawit, pendapatan beliau telah meningkat kepada RM700.00-RM1000.00 sebulan